

Headline	Puteri UMNO perlu lebih berkesan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,585	PR Value	RM 13,756



# Lakukan penambahbaikan, praktik idea kreatif agar setanding dua lagi sayap

# Puteri UMNO perlu lebih berkesan

Oleh **KAMIL MASLIH**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 10 Okt. - Keberkesanan gerak kerja Puteri UMNO tidak boleh hanya bersandarkan pada jumlah aktiviti yang dianjurkan namun perlu mengambil kira penerimaan dan penyertaan generasi muda wanita terhadap pergerakan itu.

Penyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohamad Faisal Keling berkata, Pergerakan Puteri UMNO perlu melakukan penambahbaikan serta mempraktikkan idea-idea kreatif sekiranya mahu dilihat sama tinggi dengan dua lagi sayap parti iaitu Pemuda UMNO dan Wanita UMNO.

“Saya tidak menafikan Pergerakan Puteri UMNO telah melakukan pelbagai aktiviti yang positif namun ukuran keberkesanan pergerakan itu perlu dinilai dari segi penerimaan dan penyertaan masyarakat serta tahap keyakinan golongan sasaran tersebut.

“Saya berpendapat Puteri UMNO perlu lebih bekerja keras un-

tuk terbang sama tinggi dengan dua sayap parti yang lain dan keluar dari

zon selesa sekiranya mereka benar-benar hendak mengikis persepsi pergerakan itu sekadar penyeri dalam parti,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Faisal, Puteri UMNO juga perlu menjadi ‘kilang’ yang berkesan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin wanita muda yang dapat menjadi pelapis kepada barisan pemimpin wanita sedia ada.

“Dalam trend masa kini yang golongan muda lebih cenderung kepada pakatan pembangkang, tanggungjawab besar perlu dipikul oleh Puteri UMNO untuk melahirkan pe-

mimpin-pemimpin wanita muda yang dapat menjadi ikon serta iktan golongan muda,” katanya.

Sementara itu, Penyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. P. Sivamurugan berkata, Puteri UMNO memainkan peranan besar

untuk menjayakan proses peremajaan parti agar kesinambungan sokongan daripada golongan muda berterusan.

“Dalam hal ini, barisan kepimpinan Puteri UMNO perlu memberi impak besar dalam politik arus

perdana agar bentuk kepimpinan yang berkesan dapat diteladani oleh ahli-ahli di peringkat akar umbi.

“Puteri UMNO tidak boleh dilihat lesu kerana sayap paling remaja dalam parti UMNO itu amat penting untuk menarik sokongan golongan wanita muda dan memastikan perjuangan parti terus relevan,” katanya yang turut mencadangkan kombinasi bersama antara Pergerakan Puteri dan Pemuda dalam gerak kerja yang sama.

Jelasnya, Puteri UMNO sewajarnya memainkan peranan yang berkesan kerana perangkaan turut menunjukkan jumlah pengundi wanita akan sentiasa bertambah dan melebihi jumlah pengundi lelaki.



Headline	Puteri UMNO perlu lebih berkesan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,585	PR Value	RM 13,756



**MOHAMAD FAISOL**